



Nama: _____

Kelas : 6 _____

Tarikh : _____

Tajuk : Kata Bilangan



Kata Bilangan



Nota Bestari

Siti, kata bilangan ialah kata yang digunakan untuk menyatakan bilangan sesuatu benda.

Ya, Norin. Kata bilangan terdiri daripada enam jenis.



Jenis	Contoh
kata bilangan tentu	dua, sepuluh, tiga belas, empat ratus, lima ribu, sejuta
kata bilangan tak tentu	semua, segala, para, banyak, sedikit, segelintir, sebahagian
kata bilangan himpunan	kedua-dua, beratus-ratus, berguni-guni, berabad-abad
kata bilangan pisahan	masing-masing, setiap, tiap-tiap
kata bilangan pecahan	separuh, seperempat, satu pertiga, setengah
kata bilangan tingkat	pertama, kelima, kesebelas, keenam puluh

Kesilapan Lazim

Salah	Betul
1. Para-para peserta diminta untuk berkumpul di dewan.	1. Para peserta diminta untuk berkumpul di dewan.
2. Sudah satu suku jam abah di dalam bilik rawatan.	2. Sudah satu jam suku abah di dalam bilik rawatan.
3. Ketiga orang murid itu ditegur oleh Cikgu Harun kerana berambut panjang.	3. Ketiga-tiga orang murid itu ditegur oleh Cikgu Harun kerana berambut panjang.

Praktis 1

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. Kedai makan itu akan ditutup selama _____ bulan untuk kerja-kerja menaik taraf.

A dua C tiap-tiap
B semua D sesetengah

2. Kakak hanya dapat makan _____ daripada biskut-biskut itu kerana telah kekenyangan.

A setiap C seluruh
B segala D sebilangan

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah ini.



3. Naura mengambil gambar _____ ekor kerbau sedang berkubang di dalam lumpur.

A setiap C beberapa
B separuh D sebilangan

4. Dalila gemar mengumpul _____ jenis setem termasuk setem luar negara.

A semua C sekalian
B seluruh D setengah

5. Akmal tidak lupa untuk memberikan _____ daripada wang gajinya kepada keluarganya pada setiap bulan.

A setiap
B separuh
C beberapa
D sesetengah

6. Ibu memasak _____ jenis kuih untuk dihidangkan kepada para tetamu yang hadir.

A semua C pelbagai
B seluruh D sebahagian

7. Sudah hampir _____ jam Amri menunggu kawannya di kafe itu.

A semua C sebahagian
B separuh D setengah

8. _____ penonton membanjiri Stadium Perdana untuk menyaksikan persembahan penyanyi itu.

A Beribu C Segala
B Ribuan D Setiap

Soalan 9 berdasarkan gambar di bawah ini.



9. _____ perompak itu telah diberkas oleh pihak polis.

A Segala C Sekalian
B Semua D Tiap-tiap

10. _____ murid gemar mengulang kaji pelajaran secara berkumpulan.

A Setiap C Sesetengah
B Sekalian D Masing-masing

11. Hazila menunggang basikal ke sekolah _____ hari.

A setiap C sekalian
B seluruh D setengah

Tatabahasa Tahun 6 Kata Bilangan

12. Murid-murid diingatkan supaya menjaga barang berharga _____ sepanjang lawatan itu.
 A semua C tiap-tiap
 B seluruh D masing-masing
13. Orang kaya itu mewasiatkan _____ hartanya kepada anak-anak yatim.
 A setiap
 B semua
 C beribu
 D beberapa

Soalan 14 hingga 16
 Pilih ayat yang betul.

14. A Ahmad sudah pulang ke kampung sesetengah bulan yang lalu.
 B Segala individu gemar menghabiskan masa dengan melayari Internet.
 C Para petani itu gigih menuai padi masing-masing kerana musim menuai sudah tiba.

- D Perjalanan ke pulau itu mengambil masa selama seluruh jam dengan menaiki bot.
15. A Pelbagai jenis bunga ditanam di halaman rumah nenek.
 B Soak Hwa menunggu rakannya di taman selama satu setengah jam.
 C Pak Harun telah menjual ketiga ekor kambingnya pada minggu lepas.
 D Sudah berpuluh tahun rumah di kaki bukit itu tidak berpenghuni.
16. A Sesetengah ragam manusia boleh dilihat di karnival itu.
 B Tiap petang, Arman akan berbasikal di taman berdekatan rumahnya.
 C Hampir semua murid di dalam kelas itu mendapat keputusan yang cemerlang dalam ujian.
 D Semua murid-murid tahun lima terlibat dalam program motivasi yang dianjurkan oleh Kelab Kaunseling.

Praktis 2

Tandakan (✓) bagi kata bilangan yang betul berdasarkan ayat di bawah ini.

1. _____ ekor lembu sedang meragut rumput di padang.
 Setengah () Separuh () Sepuluh ()
2. Pak Daud membeli _____ kilogram daging untuk kegunaan kenduri kahwin anaknya.
 tiga puluh () sebilangan () seluruh ()
3. _____ murid hendaklah mematuhi peraturan sekolah yang telah ditetapkan.
 Setengah () Semua () Pelbagai ()
4. _____ daripada penduduk kampung itu enggan berpindah walaupun kampung mereka dilanda banjir.
 semua () Setiap () Sebahagian ()
5. Puan Mashitah memotong kek itu kepada _____ bahagian untuk diagihkan kepada anak-anaknya.
 Semua () pelbagai () beberapa ()
6. _____ daripada tanah pusaka itu telah diwakafkan oleh Haji Kassim untuk pembinaan surau di kampung itu.
 Satu pertiga () Ketiga-tiga () Ketiga ()

Tulis jawapan kamu di sini.

 **Tatabahasa** Tahun 6 Kata Bilangan

Praktis 3

Garis jawapan yang paling sesuai bagi ayat di bawah ini.

1. Kem motivasi yang dianjurkan oleh pihak sekolah itu berjalan selama satu hari (sesetengah / setengah / separuh) sahaja.
2. Murid-murid itu mengemaskan khemah (masing-masing / beratus-ratus / beberapa) sebelum bertolak pulang.
3. Sudah (tiga / ketiga / ketiga-tiga) hari Aisyah tidak ke sekolah kerana demam.
4. (Setengah / Seluruh / Segala) daerah di Kelantan telah dilanda banjir baru-baru ini.
5. Jangan berjalan seorang diri bagi mengelakkan (suatu / sesuatu / berapa) kejadian buruk.
6. (Setiap / Segala / Tiap) pelanggan yang membeli barangan di kedai ini melebihi RM100 akan menerima hadiah misteri.
7. Setelah merantau (berbulan / berbulan-bulan / bulanan) lamanya, akhirnya Umar pulang ke pangkuan keluarganya.
8. Sekolah akan dibuka semula pada minggu (kedua / dua / kedua-dua) dalam bulan September.

Tulis jawapan kamu di sini.

Praktis 4

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan yang diberikan.

tiga	masing-masing	setengah	ribuan
beberapa	setiap	berminggu-minggu	pelbagai

Encik Hadi hendak membeli sebuah komputer untuk anaknya, Hanis. Sudah _____ Hanis meminta komputer daripada ayahnya. _____ hari lalu, Encik Hadi singgah di sebuah kedai komputer. Kedai komputer itu merupakan satu-satunya kedai yang terdapat di pekan tempat mereka tinggal. Di kedai itu, terdapat _____ jenis komputer dan mempunyai ciri-ciri istimewa _____ yang tersendiri. Harganya juga berbeza-beza. Ada yang mencecah _____ ringgit. Encik Hadi mahu membeli sebuah komputer untuk memudahkan Hanis membuat kerja sekolah pada _____ hari.

Seorang jurujual menunjukkan sebuah komputer yang sesuai untuk anak Encik Hadi. Terdapat _____ warna pilihan, iaitu hitam, biru, dan merah. Encik Hadi mendapati ketiga-tiga warna itu sangat menarik. Selepas berfikir selama hampir _____ jam, akhirnya Encik Hadi memilih komputer yang berwarna biru.